

Boleh laksana ujian RTK Ag sendiri secara maya

Oleh Fahmy A Rosli - April 14, 2022 @ 5:02pm
fahmy.azril@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan (KKM) menyediakan alternatif baharu bagi pelaksanaan ujian RTK Ag sendiri menerusi seliaan secara maya.

Menterinya, Khairy Jamaluddin, berkata ia bermaksud ujian RTK Ag secara sendiri boleh dijalankan oleh individu dengan seliaan oleh pengamal perubatan secara dalam talian.

"Perkhidmatan ini adalah satu inisiatif teleperubatan yang ditawarkan secara digital tanpa memerlukan individu hadir secara fizikal ke fasiliti kesihatan.

"Perkhidmatan ini berdasarkan kepada dokumen yang dikeluarkan oleh Majlis Perubatan Malaysia (MMC) iaitu Malaysian Concil Advisory on Virtual Consultation (Majlis Penasihat Perubatan mengenai Konsultasi Maya) semasa pandemik COVID-19," katanya pada sidang media di Parlimen, hari ini.

Terdapat tiga prosedur ditetapkan untuk melakukan ujian RTK Ag sendiri secara maya.

Pertama, seliaan hanya boleh dilakukan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan MMC. Kedua, perkhidmatan maya dilaksanakan secara langsung bagi mengelakkan berlaku penipuan dalam keputusan ujian sekiranya rakaman video dibenarkan.

Ketiga, pelaporan keputusan ujian RTK Ag COVID-19 hendaklah menggunakan platform e-COVID.

Ketika sesi konsultasi, Khairy menjelaskan, pengamal perubatan perlu memastikan beberapa keperluan yang ditetapkan KKM.

"Pertama, penggunaan teknologi dan alatan yang bersesuaian dan mematuhi keperluan privasi pengguna. Kedua, memastikan maklumat yang diberikan oleh pengguna adalah sahih. Ketiga, menjalankan penilaian status kesihatan pengguna.

"Keempat, memberi penerangan berkenaan aspek keselamatan seperti pengudaraan, kebersihan diri dan pelupusan kit ujian. Kelima, memastikan pengguna mematuhi prosedur pengambilan sampel seperti yang dinyatakan dalam manual kit ujian yang digunakan.

"Keenam, memastikan terhadap unique identifier pada kit ujian yang digunakan oleh setiap pengguna bagi mengelakkan pemalsuan dan duplikasi. Ketujuh, memastikan keseluruhan prosedur ini diselia secara langsung dan bukan rakaman video. Kelapan, memastikan ujian ini dimuat naik dalam e-COVID sebagai RTK Ag sendiri seliaan maya," katanya.